

BANK ISLAM BANTU KPWKM SEDIA PLATFORM SISTEMATIK PEMBAYARAN BANTUAN KEBAJIKAN

KUALA LUMPUR, Khamis, [13 Ogos 2020]: Bank Islam Malaysia Berhad ("Bank Islam") hari ini menandatangani Memorandum Persefahaman ("MoU") bersama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ("KPWKM") bagi meneroka usaha sama dalam menyediakan platform sistematik pembayaran bantuan kebajikan secara digital untuk Jabatan Kebajikan Masyarakat ("JKM") kepada golongan yang terpilih. Usaha sama ini juga mendapat kerjasama penuh daripada Kementerian Komunikasi dan Multimedia ("KKMM") yang bertanggungjawab dalam pembangunan dan penyediaan infrastruktur moden untuk mewujudkan masyarakat pintar di negara ini.

MoU tersebut ditandatangani oleh Ketua Pegawai Perniagaan Bank Islam, Mizan Masram yang mewakili Bank Islam, sementara KPWKM diwakili oleh Ketua Pengarah JKM, Zulkifli Ismail. Majlis turut disaksikan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Yang Berhormat Datuk Seri Rina Mohd Harun; Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato' Saifuddin Abdullah serta Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam, Mohd Muazzam Mohamed.

Dengan termeterainya memorandum ini, Bank Islam secara langsung bekerjasama dalam memperkasakan program kebajikan sosial berasaskan platform digital dan seterusnya akan mewujudkan masyarakat pintar.

Kerjasama ini antaranya membolehkan pihak KPWKM membuat analisis dan pemantauan terhadap keberkesanan bantuan kebajikan kepada penerima manfaat secara holistik melalui laporan terperinci yang disediakan oleh pihak Bank Islam. Berdasarkan laporan transaksi tersebut, data statistik gelagat atau corak perbelanjaan penerima bantuan dapat dizahirkan.

Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam, Mohd Muazzam Mohamed berkata, "Dalam mendepani norma baharu, kami giat memperkenalkan inisiatif-inisiatif yang lebih cekap, mudah dan selamat buat para pelanggan. Bank Islam amat berbesar hati kerana diberi

kepercayaan dalam menyediakan platform yang bertujuan untuk memperkasakan program kebajikan sosial berasaskan digital ini.”

Beliau menambah, “Usaha ini juga seiring dengan matlamat dalam memperluaskan akses perbankan patuh Syariah untuk segenap rakyat di negara ini. Justeru, memperkukuhkan lagi industri perbankan Islam negara dan menyumbang ke arah merealisasikan matlamat Malaysia sebagai Hab Kewangan Islam Global pada masa hadapan.”

Bagi melengkapkan lagi ekosistem kemudahan terbaharu ini, KKMM akan menyediakan infrastruktur digital seperti rangkaian komunikasi atau internet di kawasan-kawasan premis perniagaan terpilih yang masih tidak mempunyai akses yang diperlukan. Langkah ini bakal merangsang keberkesanan usaha sama yang seiring dengan agenda kerajaan untuk mewujudkan masyarakat pintar dan celik teknologi di negara ini.

“Bank Islam akan terus mempertingkatkan kecekapan sistem dan perkhidmatan kewangan yang ditawarkan agar penerima manfaat dapat menikmati penyelesaian kewangan terkini untuk memenuhi keperluan perniagaan dan operasi mereka. Dengan termeterainya usaha sama ini, kami menasakurkan sekurang-kurangnya 500,000 penerima manfaat yang telah dikenal pasti dapat menikmati kemudahan ini. Usaha sama ini juga bagi memastikan kebajikan pelanggan kami dipelihara secara mampan,” kata Mohd Muazzam.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad, ditubuhkan pada 1983 sebagai bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 144 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan penganut agama Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila lawati www.bankislam.com atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

Keterangan lanjut mengenai siaran media ini, sila hubungi:

Wan Norkhairi Wan Samad Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur	Omar Atin Penolong Timbalan Presiden Perhubungan Awam Komunikasi Korporat Kumpulan BIMB Holdings Berhad Aras 31, Menara Bank Islam
---	---

Tel: 03-2782 1232 Tel. bimbit: 019-339 4491 Faks: 03-2781 2998 Emel: wnorkhairi@bankislam.com.my Web: www.bankislam.com	No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-2781 2943 Tel. bimbit: 019-391 9144 Faks: 03-2781 2998 Emel: omar@bimbholdings.com Web: www.bimbholdings.com
---	---